

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH 26..... BULAN 6..... TAHUN 2024.....

um 26/6/2024 mls 29.

Martabat permainan wau

BAGI memupuk generasi muda memartabatkan permainan wau, Kolej Kediaman Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Jawatankuasa Perwakilan Luar Kampus menganjurkan Program Sayap Seni Wau di Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Kira-kira 50 peserta mengambil bahagian dalam acara Sayap Seni Wau dan pertandingan

Wau Tegak.

Penganjuran program itu bukan sahaja untuk mengukur kemahiran bermain wau atau layang-layang, namun sebagai satu platform untuk memberikan pendedahan berkaitan kemahiran pembuatan wau serta pengenalan kepada jenis-jenis serta kategorinya yang ada di Terengganu.

Ia juga adalah inisiatif dalam mengangkat martabat

kebudayaan tradisional Malaysia agar tidak terus tenggelam seterusnya menjadi warisan penting bagi generasi akan datang.

■ **PEMENANG** pertandingan Wau Tegak menerima hadiah masing-masing pada Program Sayap Seni Wau di Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, Kuala Terengganu, baru-baru ini.
- IHSAN UMT

